Nama Pelajar ..... Tahun .....

JABATAN PELAJARAN NEGERI KEDAH
DENGAN KERJASAMA
MAJLIS GURU BESAR NEGERI KEDAH

012
Bahasa
Melayu
Penulisan
1 JAM 15 MINIT

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN UPSR

## 012 – BAHASA MELAYU (PENULISAN)

1 JAM 15 MINIT

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian iaitu **BAHAGIAN A**, **BAHAGIAN B**, dan **BAHAGIAN C**.
2. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.
3. Bagi **BAHAGIAN B**, kamu boleh memilih sama ada menjawab **Soalan 1**, **Soalan 2**, atau **Soalan 3**.
4. Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan. Sekiranya helaian kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan kertas jawapan tambahan daripada pengawas peperiksaan. Kertas jawapan tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku soalan.

| Bahagian | No. Soalan | Markah |
|---|---|---|
| A | | |
| B | | |
| C | | |
| JUMLAH MARKAH | | /60 |

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

## Bahagian A

**[10 markah]**
*Masa dicadangkan : 15 minit*

Gambar di bawah menunjukkan situasi di perpustakaan sebuah sekolah.

*Tulis* **lima** *ayat yang lengkap tentang gambar di bawah.*

## Bahagian B

[ 30 markah ]

[*Masa dicadangkan : 40 minit*]

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 80 patah perkataan.**

1 Kamu dan beberapa orang rakan sedang menunggang basikal.
Tiba-tiba seorang daripada rakan kamu terjatuh.

Ceritakan tindakan-tindakan yang kamu lakukan.

**ATAU**

2 Sekolah kamu telah mengadakan aktiviti gotong-royong.
Tulis sepucuk surat kepada rakan kamu untuk menceritakan pengalaman tersebut.

Tulis surat itu selengkapnya.

**ATAU**

3 Seorang guru di sekolah kamu akan melanjutkan pelajaran ke sebuah universiti.
Kamu mewakili rakan-rakan diminta untuk menyampaikan ucapan sempena majlis perpisahan tersebut.

Tulis ucapan itu selengkapnya.

## Bahagian C

[20 markah]

[*Masa dicadangkan : 20 minit*]

*Tulis* **lima** *nilai murni yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.*
*Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.
*Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.*

Ahad, 4 September

**6.00 pagi**
Hazri bangun awai pagi. Selesai mengemas tempat tidur, dia membersihkan diri. Kemudian, dia bersembahyang dan berdoa agar diberi ketenangan ketika menjawab soalan peperiksaan pada keesokan harinya.

**7.00 pagi**
Hazri meneliti jadual peperiksaan UPSR yang akan bermula esok. Dia mula menyusun jadual untuk membuat ulang kaji. Nota-nota ringkas yang telah disediakan dikumpulkan untuk memudahkannya mengulang kaji pelajaran.

**4.00 petang**
Hazri bersama-sama ayahnya ke sebatang sungai untuk memancing. Hazri berasa begitu tenang dan terhibur. Fikirannya menjadi lapang.

**8.00 malam**
Selepas makan, Hazri menyusun dan memasukkan alat tulis ke dalam beg sekolahnya. Setelah selesai membuat persediaan, Hazri bersalaman dengan ibu dan ayah sebelum masuk tidur. Ibu bapa Hazri mendoakan agar Hazri dapat menjawab soalan peperiksaan pada esok hari dengan sebaik-baiknya.